

## KENYATAAN POLISI ANTIRASUAH KORPORAT

HRD Corp memperakui bahawa:

- Dasar Antirasuah Korporat di Malaysia, sebagaimana yang mungkin dipinda atau disemak dari semasa ke semasa, merupakan prinsip dan pegangan HRD Corp bagi memastikan standard integriti, ketelusan, akauntabiliti serta tadbir urus korporat yang tinggi dalam semua aspek operasi perniagaannya; dan
- HRD Corp komited untuk menjalankan urusan operasi dengan penuh integriti dan mengguna pakai pendekatan toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan penyelewengan. HRD Corp juga mematuhi prinsip tadbir urus korporat yang baik dan menekankan pengendalian perniagaannya dengan adil dan telus.

Oleh yang demikian, HRD Corp dengan ini berikrar:

- Memberikan komitmen tinggi dalam mengangkat nilai-nilai integriti, ketelusan, akauntabiliti serta etika dan tadbir urus korporat yang baik.
- Memperkukuh sistem dalaman yang menyokong usaha pencegahan rasuah.
- Mematuhi undang-undang, dasar, prosedur dan keperluan lain yang berkaitan dengan usaha membanteras rasuah.
- Membanteras dan mengambil tindakan sewajarnya terhadap sebarang bentuk amalan rasuah.
- Menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).
- Menggalakkan usaha menyuarakan kebimbangan salah laku rasuah melalui polisi perlindungan pemberi maklumat (*whistleblowing policy*).
- Melaksanakan program kesedaran untuk semua pekerja HRD Corp.
- Menyediakan dan mengekalkan saluran laporan yang sesuai untuk semua pihak.
- Mengambil tindakan tatatertib terhadap pekerja yang tidak mematuhi polisi ini.
- Memberikan kuasa terhadap unit pematuhan antirasuah supaya berfungsi sebagai pihak bebas, mengikut kesesuaian dan;
- Melaksanakan penambahbaikan berterusan terhadap polisi dan prosedur yang berkaitan dengan perkara rasuah dan penyelewengan, termasuk ABMS (Sistem Pengurusan Antirasuah) miliknya.

**DATUK RUSLI JAAFAR**

Pengerusi, HRD Corp

22 Jun 2026